



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2025

PERKASA MINAT PELAJAR TERHADAP DUNIA SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

KOTA SAMARAHAN, 4 MEI 2025 – Minggu Sains Negara (MSN) 2025 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kembali dengan pendekatan yang lebih mantap dan inklusif, membawa semangat baharu dalam menyemarakkan minat pelajar serta masyarakat umum terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Dengan tema *“Merakytakan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi”*, program ini bertujuan menjadikan ilmu sains dan teknologi lebih mudah diakses, difahami dan dihargai oleh semua lapisan masyarakat khususnya generasi muda.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, MSN dianjurkan bagi melibatkan pelbagai pihak termasuk pelajar, pendidik, institusi pengajian tinggi, industri dan orang awam dalam memperkukuh pemahaman serta minat terhadap sains, teknologi dan inovasi (STI). Berdasarkan sambutan positif tahun lalu, MOSTI menyasarkan lebih 300,000 penyertaan tahun ini menerusi lebih 50 aktiviti dan pengisian menarik yang dirancang bagi memastikan impak program kekal berterusan, relevan dan menyeluruh kepada semua kumpulan sasaran.

Tambah beliau, Kerajaan MADANI memandang serius mengenai bakat STEM seiring dengan keperluan negara untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional tempatan dalam bidang tersebut bagi mencapai sasaran negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

Di bawah inisiatif MSN 2025, dua program penjelajahan sains utama dijangka memberi tumpuan iaitu **Kembara Sains Borneo** dan **Rehlah Sains**. Kedua-dua program ini merupakan usaha strategik MOSTI untuk memastikan manfaat pembudayaan STI dinikmati secara menyeluruh, merentas geografi termasuk kawasan pedalaman dan pinggir bandar. Ini mencerminkan komitmen MOSTI dalam mendekatkan sains kepada rakyat tanpa mengira halangan lokasi.

Selain itu, MSN 2025 turut memperkenalkan inisiatif **Tajaan Minggu Sains Negara (MSNTaja)** yang membuka peluang kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO untuk turut serta menyokong pelaksanaan program pembudayaan STI di seluruh negara.

Program MSN 2025 akan menjelajah ke enam (6) zon utama di seluruh negara, bermula di Sarawak, diikuti Sabah, Terengganu, Johor, Kedah dan berakhir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setiap lokasi akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti interaktif termasuk pameran pendidikan STEM, persembahan sains yang mengujakan, kuiz interaktif, bengkel pendidikan dan pameran kerjaya berasaskan teknologi masa depan.

Ayuh raikan keajaiban sains bersama seluruh rakyat Malaysia menerusi Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2025! Pelbagai program menarik berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) menanti anda, teroka dunia STEM melalui pertandingan kreatif, pameran maya, kuiz interaktif dan aktiviti pembelajaran digital yang menyeronokkan.

Layari laman media sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Minggu Sains Negara untuk maklumat lanjut.

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

4 MEI 2025

Media kit link:

https://drive.google.com/drive/folders/1YJHDoAbDXDxYVM0CtPoaFvqCt3vmLuWv?usp=drive_link

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Rosnani Rahman

Ketua Penolong Pengarah

Unit Pendidikan (Seksyen Operasi)

Pusat Sains Negara

(012-336 0739)

Hafizah Kher

Penolong Pengarah Kanan

Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Operasi)

Pusat Sains Negara

(017-215 6862)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

MINGGU SAINS NEGARA 2025

Penganjur Bersama:



Penaja Utama:



Ahli Kepada:



f @officialmosti @mosti www.mosti.gov.my



KARNIVAL



3 - 5 MEI 2025

9:00 PAGI - 5:00 PETANG

DEWAN JUBLI, UTM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN

Penganjur Bersama:



Cawangan Sarawak

Penaja Utama:



Ahli Kepada:



1. AKTIVITI MINGGU SAINS NEGARA 2025


LOKASI	3 MEI 2025 (SABTU)	4 MEI 2025 (AHAD)	5 MEI 2025 (ISNIN)
Tempat Letak Kenderaan	Kendera saji (9:00 pagi - 5:00 petang)		
	Science on Wheels Masa: 9.00 pagi - 5.00 petang		
Pusat Pelajar	Ruang RekaLiat Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang		
	SaiNeka Masa: 3.00 - 5.00 petang		
	Booth Pempamer Masa: 9.00 - 5.00 petang		
Dewan Jubli	Pengisian Pentas		
	Mimo Ceria Fit Masa: 9:30 pagi		
	Ceritera Sebalik Radas (ASM-YSN & UiTM) Sesi pagi: 10.15 pagi Sesi petang: 2.15 petang	Ceritera Sebalik Radas (ASM-YSN & UiTM) Sesi pagi: 10.15 pagi	Ceritera Sebalik Radas (ASM-YSN & UiTM) Sesi pagi: 10.15 pagi Sesi petang: 2.15 petang
	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.15 pagi (PSN) Sesi petang: 3.15 petang (Petrosains)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.15 pagi (PSN)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.15 pagi (PSN) Sesi petang: 3.15 petang (Petrosains)
	Trivia Sains Sesi Pagi: 11:45 pagi Sesi petang: 3.45 petang	Trivia Sains Sesi Pagi: 11:45 pagi	Trivia Sains Sesi Pagi: 11:45 pagi Sesi petang: 3.45 petang
	Pengisian depan pentas		
	Cabaran Minda STEM Masa: 12.15 tengahari - 1.00 petang	Cabaran Meriam Udara Masa: 12.15 tengahari - 1.00 petang	Cabaran Meriam Udara Masa: 12.15 tengahari - 1.00 petang
	Persekitaran Dewan		

	Teroka, Jejak & Menang Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang
	Sains Situ Sana Sini Masa: 10.00 pagi - 2.00 petang
	Dunia Minda Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang
	Cabaran STEM Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang
	Booth Rakan Penganjur Bersama / Pavilion PSN 9:00 pagi - 5:00 petang


Keterangan beberapa pengisian Karnival MSN 2025


- **Science on Wheels** - Bas pameran bergerak baharu Pusat Sains Negara yang dibangunkan merangkumi bahan pameran interaktif beserta infografik.
- **Teroka, Jejak & Menang**- Aktiviti jejak sains dalam menyelesaikan cabaran yang ditetapkan secara santai di stesen dan tuntutan hadiah.
- **Mimo Ceria Fit** - Senaman pagi bersama Maskot Rasmi PSN Mimo
- **Ruang RekaLiat** - Ruang aktiviti Tinker untuk menghasilkan *Keychain* berasaskan tanah liat.
- **Sains Situ Sana Sini**- Aktiviti *science busking* di sekitar dewan
- **Cabaran Meriam Udara**-Menguji daya fokus pengunjung untuk menjatuhkan kesemua cawan atau target menggunakan meriam udara (Air cannon) yang dibekalkan
- **Cabaran Stacking Cup**-Menguji ketangkasan dan kecekapan pengunjung untuk menyusun cawan dalam masa yang paling singkat.
- **Trivia Sains**-Menawarkan hadiah menarik kepada pengunjung yang berjaya menjawab soalan kuiz bertemakan STEM dan matematik dengan tepat dan pantas
- **Persembahan Sains**- Saksikan persembahan sains ala magis yang menakjubkan seperti Burning Fire, Elephant Toothpaste, Magic Cup, Nitrogen Mushroom, Whoosh Bottle, Metal Burning, Hydrogen Balloon
- **Cabaran STEM**- Uji minda anda dengan aktiviti interaktif seperti H Puzzle, Portal Glass, Levitate, Paper Plane Launcher dan lain-lain.

2. KEMBARA SAINS BORNEO 2025




Timeline Program KSB 2025 di Sarawak





31



32

Bas Pameran Sains Bergerak@PSN Trooperz On The Move

Bas pameran Sains Bergerak atau lebih dikenali sebagai *PSN Trooperz On The Move* ini merupakan inisiatif unik yang menempatkan 14 bahan pameran interaktif yang merangkumi pelbagai topik dalam bidang STEM. Bas pameran ini dibangunkan untuk menjadikan sains lebih mudah diakses dan menarik kepada orang ramai. Bas pameran ini berfungsi sebagai pusat sains mini yang boleh bergerak ke pelbagai lokasi termasuk kawasan bandar, pinggir

bandar dan luar bandar. Bas pameran ini bukan hanya berfungsi sebagai alat pendidikan, tetapi juga sebagai sumber inspirasi dan motivasi bagi generasi muda.

Pameran Sains Modular

Pameran Sains Modular merupakan satu pendekatan pameran interaktif berkonsepkan sains yang direka bentuk untuk memberikan pengalaman pembelajaran sains yang menyeronokkan, fleksibel dan mudah alih kepada pengunjung.

Bengkel Sains

Aktiviti dalam kelas yang mendedahkan peserta dengan konsep sains mudah. Mari belajar sambil berhibur!

Demonstrasi Sains

Jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan secara langsung demonstrasi sains yang luar biasa dan mengujakan, direka khas untuk memukau dan menginspirasi anda semua! Dalam sesi ini, anda akan melihat bagaimana prinsip-prinsip sains yang menarik diterapkan dalam eksperimen yang menakjubkan yang akan membuat anda teruja dan tertarik untuk mengetahui lebih lanjut.

Demonstrasi ini menampilkan pelbagai eksperimen yang memaparkan keajaiban sains dengan cara yang interaktif dan mudah difahami. Anda akan dapat melihat demonstrasi sains berkenaan api, sifat nitrogen cecair, udara dan banyak lagi demonstrasi sains menakjubkan.

Bicara Sains

Bicara Sains merupakan sesi sembang santai berkaitan sains dengan pendekatan interaktif yang mesra dan mudah difahami. Bicara Sains akan disampaikan oleh penceramah terkenal yang berpengaruh. Ini dapat membantu peserta memahami dan menarik minat masyarakat kepada sains dengan cara yang berbeza.

3. REHLAH SAINS 2025

Program Rehlah Sains 2025 merupakan program khas anjuran PSN di bawah inisiatif Minggu Sains Negara sebagai platform mendekati pelajar sekolah-sekolah agama dan tahfiz (di negeri-negeri zon utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak). Tujuan utama penganjuran program adalah untuk memberi pendedahan Sains, Teknologi, Inovasi dan Al-Quran (STIQ) kepada pelajar agama dan tahfiz berlandaskan Al-Quran dan Sunnah sekaligus melahirkan pelajar berfikiran kreatif, berinovasi dan berintegriti tinggi. Program Rehlah Sains 2025 akan bermula pada bulan Jun sehingga Julai melibatkan 15 buah sekolah agama dan tahfiz.

4. INISIATIF TAJAAN MINGGU SAINS NEGARA (MSNTAJA)

Inisiatif Tajaan Minggu Sains Negara merupakan satu usaha MOSTI untuk menyokong pelaksanaan program kesedaran dan pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) oleh badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, serta agensi atau syarikat swasta. Permohonan tajaan ini terbuka kepada pihak yang aktif melaksanakan program bersifat pendidikan tidak formal berkaitan STI, terutamanya yang menjurus kepada pemerkasaan ilmu dalam kalangan generasi muda. Sebanyak 300 permohonan telah diterima dari seluruh negara dalam tempoh 1 Mac 2025 hingga 20 Mac 2025.

Kumpulan sasaran program ini terdiri daripada pelajar prasekolah, sekolah rendah dan menengah, serta lepasan sekolah. Program yang dilaksanakan mestilah bersifat fizikal dan melibatkan sekurang-kurangnya 200 peserta. Aktiviti yang dijalankan perlu berasaskan pembinaan pengetahuan dengan pendekatan yang interaktif, menyeronokkan serta mempunyai elemen STEM secara langsung atau tidak langsung. Setiap program juga perlu dikenal pasti berdasarkan bidang fokus sains utama yang menjadi tumpuan, bagi memastikan keberkesanan mesej dan objektif pembudayaan STI yang disasarkan.